

Upacara dan Adat Istiadat Seni Bela Diri (Silat Seni Gayong Malaysia)

Mawarni Ibrahim^{1*} dan Mohd Fisal Ismail²

¹Universiti Utara Malaysia.

²Sekolah Menengah Kebangsaan Mahsuri, KPM.

ABSTRAK

Kertas kerja ini cuba memperlihatkan konsep upacara dan adat istiadat seni bela diri terutamanya Silat Seni Gayong Malaysia sama ada dari segi keperluan peralatan, busana lengkap semasa upacara adat istiadat diadakan dan individu yang berhak melaksanakan tugas dalam upacara adat istiadat tersebut. Tajuk ini dipilih adalah bertujuan untuk memperkenalkan kepada masyarakat berkaitan upacara dan adat istiadat seni bela diri terutamanya Silat Seni Gayong Malaysia. Selain itu, bertujuan untuk memperkenalkan kepada masyarakat akan penggunaan bahan-bahan dalam setiap upacara dan adat istiadat yang dilakukan seperti mandi tapak dan mandi seni sehingga ke mandi minyak. Di samping itu, bertujuan untuk memberi pencerahan berkaitan upacara dan adat istiadat terutamanya Silat Seni Gayong Malaysia tidak melibatkan unsur-unsur tahuyl sebaliknya mendedahkan pengamalnya akan erti asam garam kehidupan berunsurkan alam sekeliling. Kaedah yang digunakan adalah penyelidikan dan pemerhatian bagi menghasilkan kertas kerja ini melalui rakaman perbualan dengan guru latih silat dan individu yang berkenaan. Kaedah pemerhatian adalah untuk melihat upacara dan adat istiadat serta segala kelengkapan yang diperlukan dalam sesuatu majlis upacara dan adat istiadat secara langsung. Data-data yang dikumpulkan dari pemerhatian dan perbualan dijelaskan dalam bentuk huraihan. Hasil pemerhatian ini diharapkan dapat dijadikan garis panduan oleh pihak tertentu terutamanya pencinta seni bela diri Silat Seni Gayong Malaysia khususnya untuk lebih beretika mempelajari seni bela diri terutama Silat Seni Gayong Malaysia tanpa rasa ragu-ragu berteraskan agama Islam. Semoga khazanah alam warisan bangsa ini dapat dipertahankan sehingga ke akhir zaman. Silat Seni Gayong berupaya membentuk akhlak pengamalnya dengan lebih baik melalui unsur-unsur yang diketengahkan sewaktu mempelajarinya. Pertubuhan Silat Seni Gayong Malaysia merupakan sebuah pertubuhan yang bersedia membantu mempertahankan budaya asli dalam masyarakat dan berperanan membantu pihak pentadbiran negara menangani isu keruntuhan akhlak bangsa Melayu terutamanya di negara kita.

Kata Kunci: Upacara, Adat Istiadat, Silat, Seni Gayong,

ABSTRACT

This paper work is trying to show the concept of ceremony and custom of martial arts especially the Silat Seni Gayong Malaysia from the perspective of the equipments need, complete costume during the custom ceremony and the person in charge to accomplish task in that ceremony. This title had been chosen to introduce the society about the ceremony and custom of martial arts especially Silat Seni Gayong Malaysia. Besides, this paper also aims to introduce the society on the materials used in ceremony for example during 'mandi tapak' and 'mandi seni' and also 'mandi minyak'. On the other hand, this paper also would like to give clearer information, about the ceremony in Silat Seni Gayong Malaysia do not involve the supernatural elements, but to expose the practitioners on the upside down of life based on the surroundings. The method used in this paper work is research and through the recording of the conversations with silat coach and individuals. The observation method is to see the ceremony and custom of martial arts and all of the equipment needed. The data collected through the observations and conversations are are explained in description form. The result of this observation hopefully is able to be guidelines for certain party especially to the Silat Seni Gayong Malaysia lovers for them to be ethical in learning martial arts mainly

*Koresponden: inra_fisal@yahoo.com

Upacara dan Adat Istiadat Seni Bela Diri (Silat Seni Gayong Malaysia)

Silat Seni Gayong Malaysia without suspicion based on Islamic religion. Hopefully, this treasures are protected till the end. Silat Seni Gayong is able to develop moral of practitioners, through the elements learned in this martial art. Pertubuhan Silat Seni Gayong Malaysia is an organization that willing to protect the tradition in the society and helping the state administration to overcome the demise of moral issues especially among Malays in our country.

Keyword: Ceremony, Custom, Martial Art, Seni Gayong.

PENGENALAN

Konsep Upacara dan Adat Istiadat Seni Bela Diri Terutamanya Silat Seni Gayong Malaysia

Kod Etika Silat Seni Gayong

Pemikiran masyarakat Melayu dahulu sedikit sebanyak telah melahirkan kod etika Silat Seni Gayong. Menurut Wan Ahmad Fauzi bin Wan Husain (2007), Silat Seni Gayong terhasil daripada ketajaman minda dan kepekaan bangsa Melayu terhadap alam sekeliling. Kelahirannya adalah atas kesedaran perlunya suatu teknik seta kemahiran untuk menjaga keselamatan diri keluarga, masyarakat dan agama. Keperluannya adalah sejajar dengan seruan Allah SWT dalam surah al-Anfal supaya umat Islam membuat persediaan menghadapi musuh dengan kadar kekuatan yang termampu. Menurut beliau lagi, Silat Seni Gayong merupakan salah satu daripada seni silat Melayu tertua terbukti mampu menjadi wadah untuk mempertahankan akidah, maruah umat Islam dan bangsa Melayu. Hakikat ini dapat dinilai melalui lakaran sejarah negara pada suatu ketika dahulu yang pernah dijajah oleh kuasa-kuasa asing. Antara pahlawan Gayong yang bergerak mempertahankan negara seperti Allahyarham Dato' Mat Kilau, Dato' Bahaman, Dato' Jenal, Dato' Maharaja Lela dan ramai pejuang yang telah memerdekakan tanah air berjaya membatasi penguasaan pihak penjajah dalam politik dan sosio-budaya penduduk tempatan. Kini, Silat Seni Gayong masih mampu bertahan dalam masyarakat. Disiplin ilmu yang disampaikan mampu menjadi benteng keruntuhan akhlak dalam masyarakat remaja pada zaman ini.

Falsafah Silat Seni Gayong

Silat Seni Gayong mempunyai falsafah tersendiri. Menurut Wan Ahmad Fauzi bin Wan Husain, falsafah Silat Seni Gayong ialah suatu pemikiran yang membicarakan kaedah pembentukan akhlak terpuji, pembersihan diri secara spiritual dan peningkatan potensi diri secara fizikal. Silat Seni Gayong mampu memupuk penyuburan nilai peribadi dan bakat diri daripada segi kualiti, matlamat, pencapaian serta sentiasa meningkat dalam lingkungan pedoman yang diberikan. Falsafah ini dapat digarap daripada setiap amalan adat istiadat, peristiwa sejarah, puisi, amanat dan pelajaran Silat Seni Gayong. Kalimah "Silat Seni Gayong" itu sendiri tersirat tiga pengertian yang amat besar. Pengertian falsafah utama Silat Seni Gayong. Falsafah yang membeza Silat Seni Gayong dengan seni silat yang lain. Silat hanya meliputi aspek fizikal semata-mata. Seni dalam konteks Silat Seni Gayong pula ialah satu unsur dalaman yang menekankan aspek kerohanian dan pembersihan diri secara keseluruhannya. Beliau juga menjelaskan bahawa seni mendidik dan membentuk pertahanan dan ketahanan jiwa yang sentiasa perlu dibaja dengan makanan kerohanian dan dihiasi adab kesopanan serta akhlak yang terpuji. Manakala, Gayong ialah satu singkatan perkataan yang menggariskan sifat peribadi yang unggul. Menurut Ishak bin Taib pula, kalimah Gayong mempunyai makna yang tersendiri melalui ejaan jawi iaitu Genggam, Angkat, Yakin Waras dan Ngeri.

Teras pendidikan Silat Seni gayong diterjemahkan dalam kalimah Gayong yang dieja melalui huruf jawi. 'Ga' mewakili genggam. Genggam bermaksud kepatuhan dan taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada ajaran Islam dan amanah Silat Seni gayong yang telah ditinggalkan oleh Allahyarham Dato' Paduka Meor Abdul Rahman, iaitu Pendita Agung persilatan Melayu Moden.

'Alif' mewakili angkat, bererti kewajipan murid-murid Gayong untuk menunjung kedaulatan al-Quran dan ketuanan Melayu. Semua murid Gayong mestilah memelihara segala amanah sebagai murid dan ahli Gayong yang digenggam agar terus dihormati dan dipatuhi. 'Ya' adalah yakin, bahwasanya kita beriman dengan kebenaran al-Quran dan segala yang dilakukan hendaklah bertauhidkan Allah SWT. Semua murid dan ahli gayong mestilah yakin dengan kelebihan ilmu yang dipelajari dan hanya menggunakan untuk kebaikan. 'Wau' ialah waras. Waras bererti sedar, rasional dan mempunyai nilai keinsafan atas segala tindakan dan keputusan yang bakal diambil. Murid dan ahli Gayong digambarkan tidak akan bertindak sesuka hati tanpa memikirkan buruk baik sesuatu perkara. Manakala, 'Nga' membawa maksud ngeri. Perasaan Ngeri dengan kebesaran Allah S.W.T dan azab seksaan-Nya, ngeri atau kesungguhan dalam mempamerkan Silat Seni Gayong.

Lima huruf ini juga melambangkan lima prinsip asas yang menjadi rukun atau teras agama Islam iaitu mengucap dua kalimah Syahadah, menunaikan sembahyang fardu, berpuasa di bulan Ramadan, berzakat dan mengerjakan fardu haji di Mekah. Di samping itu, lima huruf yang membina kalimah Gayong dalam versi jawi itu menekankan bahawa seorang murid Gayong mestilah menjaga kewajipan mereka sebagai seorang Muslim dengan menegakkan tiang agama iaitu menunaikan sembahyang fardu, lima kali sehari semalam. Hakikatnya, kekuatan seseorang murid Gayong itu terpancar melalui keupayaan melaksana segala perintah Allah SWT dan menjauhi segala larangan-Nya. Slogan Gayong memancarkan SeGayong, Sekendi, Seperigi, Seperminum, Sejalan, Sejadi, Sedarah, Sedaging dan Sepadu adalah sebuah falsafah pemikiran berkaitan perpaduan bangsa Melayu. Maka dengan itu dapatlah difahami bahawa falsafah Silat Seni Gayong merangkumi pembinaan sahsiah atau peribadi yang baik melalui ketaatan beragama, kecintaan kepada bangsa dan kesetiaan kepada Raja dan negara. Menurut Wan Ahmad Fauzi bin Wan Husain pula falsafah berkaitan adat istiadat, pelajaran dan pendidikan yang berpaksikan ajaran Islam. Ajaran yang menjadi sumber inspirasi, motivasi dan pengawasan untuk membina diri dengan nilai-nilai luhur dan diterima oleh semua masyarakat.

Menurut Wan Ahmad Fauzi bin Wan Husain, sahsiah Gayong terbina dalam diri seorang murid atau ahli daripada penghayatan falsafah Silat Seni Gayong meliputi aspek niat (qasad), perbuatan (lahiriah) dan spiritual (kebatinan). Antara sahsiah atau sifat peribadi seorang Gayong melalui aspek niat iaitu menuntut ilmu bela diri sebagai satu ibadah dan ikutan sunnah Rasulullah SAW. Selain itu, persiapan untuk membela diri dan berjihad mempertahankan negara sebagaimana serua Allah SWT dalam surah al-Anfal. Seterusnya, menghidupkan seni warisan bangsa dan mengeratkan ukhuwan sesama ahli. Di samping itu, menyematkan rasa cinta terhadap kebudayaan sendiri dan hasrat untuk mengembangkannya dalam masyarakat Melayu dan Islam. Akhir sekali, cintakan keharmonian dan tidak sekali-kali mencari musuh tetapi tetap pendirian jika berhadapan dengan sebarang ancaman. Melalui aspek perbuatan pula iaitu berani menegakkan kebenaran, keadilan dan mencegah kemungkar. Selain itu, mengikut resmi padi semakin berisi semakin tunduk. Seterusnya, bertidak balas (jika perlu) dengan kadar yang wajar dan bersikap pemaaf terhadap musuh. Selain itu, mampu menghayati dan menggunakan segala perkara yang dipelajari pada sebarang tempat, masa dan situasi. Aspek perbuatan lain juga adalah berterusan meningkatkan kualiti diri sehingga dapat menguasai semua ilmu Silat Seni Gayong dengan cemerlang. Perbuatan melatih dan menghidupkan daya kreativiti yang tinggi dan inovatif dalam lingkungan system pelajaran yang diajar. Akhir sekali, tabah dan tenang dalam menghadapi sebarang ujian, cubaan atau godaan. Melalui aspek spiritual pula beriman kepada Allah SWT dan rukun iman yang lain. Selain itu, menegakkan dan mendirikan rukun Islam iaitu lima perkara dengan taat. Seterusnya, bersifat ihsan serta sentiasa beramal dengan amalan zikir, wirid yang ma'surat dan sunnah Rasulullah SAW. Berusaha menyuburkan diri dengan sifat mahmudah di samping membersihkan diri daripada sifat mazmumah. Jujur serta amanah dalam setiap niat, perkataan dan perbuatan. Yakin pada pertolongan Allah SWT dan percaya tiada kemudarat tanpa keizinan-Nya. Akhir sekali, istiqamah dalam perjuangan dan kerja kebajikan yang dilakukan.

Pelajaran Silat Seni Gayong

Wan Ahmad Fauzi bin Wan Husain, menjelaskan sejarah Silat Seni Gayong bermula daripada seorang pahlawan ulung bangsa Melayu suatu ketika dahulu. Beliau dikenali sebagai pahlawan Gayong. Pendekar tersebut mendalamai dan menguasai segala ilmu persilatan secara lahiriah dan kebatinan. Kehebatannya amat digeruni sehingga menjadikan beliau dihormati dan disanjungi. Darah keperwiraan Gayong telah mengalir dalam diri salah seorang daripada keturunannya iaitu Allahyarham Dato' Paduka Meor Abdul Rahman bin Daeng Uda Mohd Hashim. Pada zaman dahulu belum mempunyai silat yang bernama Silat Seni Gayong sebaliknya ilmu persilatan yang diwarisi Dato' Meor Abdul Rahman daripada keturunnya ialah Silat Seni Sendi Harimau atau Gayong. Silat Seni Gayong merupakan satu nama persilatan yang asas oleh Dato' Meor Abdul Rahman. Dato' Meor mempelajari ilmu persilatan daripada datuknya dengan pelajaran yang masih belum tersusun dengan sebaiknya. Antara pelajaran yang dituntut ialah Tapak Gayong, Seni Keris, Seni Lembing dan Seni Cindai. Tapak Gayong dan Seni Keris diturunkan oleh Tuan Syed Zainal kepada Dato' Meor Abdul Rahman yang telah diwarisi oleh datuknya daripada Dato' Laksamana Hang Tuah. Seni Lembing diwarisinya daripada Dato' Laksamana Megat Terawis dan Seni Cindai pula diwarisi daripada Puteri Meliwa. Dato' Meor Abdul Rahman dengan ilmu yang luar biasa telah dapat mengasas dan mencipta satu jenis ilmu persilatan yang dinamakan Silat Seni Gayong. Dato' Meor Abdul Rahman menyusun tujuh buah Tapak Gayong atas semangat Tuah dan Jebat, kemudian dipecahkan daripada tujuh menjadi 49 buah seterusnya, dipecahkan lagi kepada tujuh seni sehingga menjadikan 349 seni kesemuanya. Sejarah pelajaran Silat Seni Gayong ini boleh diteroka melalui kajian mendalam melalui sumber puisi ciptaan Dato' Meor Abdul Rahman sendiri yang berupa pantun dan sajak atau cerita daripada mulut beliau atau secara lisan.

Pengertian Adat dan Istiadat

Menurut Wan Fauzi bin Haji Wan Hussain,(2007), antaranya adat istiadat dalam perguruan ini dipusakai daripada warisan DiRaja sesuai dengan keturunan Allahyarham Dato' Meor Abdul Rahman daripada susur galur Nara Paduka Raja, penabal raja-raja Melayu dan titisan daripada pahlawan-pahlawan Melayu zaman dahulukala. Menurut beliau lagi terdapat beberapa maksud adat dan istiadat daripada segi bahasa yang telah dipetik oleh beliau dalam beberapa buah buku. Antaranya daripada segi bahasa maksud adat yang dipetik daripada Kamus Delta, edisi KBSM 1993, adalah aturan yang diamalkan sejak turun-temurun oleh sesuatu masyarakat (custom law). Peraturan yang lazim dipakai atau cara yang sudah menjadi kebiasaan (customary behavior, habitual, traditional polite, practice yang dipetik daripada Kamus Utama, pustaka Zaman, 1983. 'Usual way of behaving or acting, convention, accepted custom' dipetik daripada Kamus Dwibahasa Oxford Fajar, edisi kedua, (1997). 'A usual practice, habit social convention carried on by tradition', Webster's New World by Webster's New World Dictionaries, 1989.

Manakala, menurut beliau juga daripada segi istilah undang-undang pula yang telah beliau petik dalam The Concise Dictionary of Law, Oxford University Press, 1988, adat ialah 'A practice that has been followed in a particular locality in such circumstances that it to be accepted as part of law of that locality'. Menurut beliau dalam Osborne's Dictionary pula adat 'A rule of conduct, obligatory on this within its scope, established by long usage. A valid custom has the force of law. Custome is to society what law is to the state. A valid custom must be of immemorial antiquity, certain and reasonable, obligatory, not repugnant to statute law, thought it may derogate from the common law.

Menurut beliau juga adat hakikatnya berasal dari perkataan Arab dan dalam konteks ini adat juga boleh dinamakan 'uruf'. Manakala, maksud istiadat pula daripada segi bahasa yang telah beliau petik daripada Kamus Utama, Pustaka Zaman, (1983) ialah peralatan, upacara (generally accepted behavior, rite, ceremony. Istiadat daripada segi istilah umum pula yang telah beliau petik daripada Kamus Delta, edisi KBSM, 1993 Majlis rasmi untuk meyambut sesuatu peristiwa

(ceremony). Manakala beiau memetik dalam The Little Oxford Dictionary, Oxford University Press, 1987 pula bermaksud piece of formal procedure; observance of formalities.

Menurut kamus Dewan Edisi keempat (2015), adat bermaksud peraturan yang sudah diamalkan turun-temurun sejak dahulu kala di dalam sesuatu masyarakat sehingga merupakan hukum dan peraturan yang harus dipatuhi. Manakala, peraturan pula bermaksud segala yang telah ditentukan atau ditetapkan dan harus diturut atau dipatuhi.

Rumusan beliau berkaitan maksud adat dan istiadat menurut konteks Silat Seni Gayong adalah adat sebagaimana difahami maksudnya seperti yang telah dihuraikan adalah tertakluk dalam lingkungan amalan Silat Seni Gayong. Sumber telah diambil dan disampaikan oleh Allahyarham Dato' Meor Abdul Rahman. Bapa beliau Allahyarham Daeng Uda Mohd Hashim dan abangnya Allahyarham Meor Abdul Azizi. Adat istiadat ini seharusnya kekal diguna pakai sejauhmana tidak bertentangan dengan syariat Islam. Menurut Wan Fauzi bin Haji Wan Hussain,(2007) juga adat dalam Silat Seni Gayong boleh dibahagikan antara lain kepada penerimaan murid, gelanggang, penerimaan amanah seperti watikah tauliah, lantikan, sandang, bengkong dan cenderahati, pelajaran, disiplin, hak Mahaguru, pakaian, hormat, kuasa dan jemputan. Sebagaimana konsep adat begitulah istiadatnya. Secara ringkasnya, perbezaannya boleh disimpulkan dalam satu kaedah umum iaitu, 'setiap Istiadat ada Adat tetapi setiap Adat tidak semestinya mempunyai Istiadat. Kadang kala satu-satu adat itu boleh boleh disempurnakan melalui istadat yang sama. Kebiasaannya, satu-satu istiadat itu akan melibatkan beberapa adat yang lain. Istiadat tertentu mungkin boleh dijalankan dalam beberapa cara dan menerima perubahan jika diputuskan oleh Lembaga Waris Amanah. Adat mestilah dipertahankan kerana adat merupakan amanah dan identiti atau 'alter ego' kepada Silat Seni Gayong itu sendiri. Jika adat tidak bertentangan dengan syariat maka tiada sebab adat harus dipinggirkan.

Wan Ahmad Fauzi juga ada menyatakan adat sesungguhnya merupakan satu tatasusila dan gaya hidup murni yang melambangkan ketinggian budi dan penerimaan universal sesuatu kelompok. Adat membentuk kesopanan dan satu peraturan hidup masyarakat yang berbudaya. Manakala istiadat pula menterjemahkan komitmen sesebuah masyarakat tertentu terhadap nilai Adat yang didokong. Kedatangan Islam dalam masyarakat Melayu telah mencorak istiadat dan memberi persempadanan akhlak yang hakiki, sehingga adat yang hukumnya harus telah diiktiraf oleh agama sebagai 'adat muhakkamah'. Dengan prinsip ini, Silat Seni Gayong akan terhindar daripada segala amalan syirik dan khurafat serta dapat mengekalkan identity yang unik lagi tersendiri. Istilah istiadat Silat Seni Gayong boleh dibahagikan antara lain kepada perlimaun sintuk, buka dan tutup gelanggang, pertabalan atau penganugerahan, pengkhataman, ambil tapak, mandi seperti mandi minyak, keris dan lembing, dan kenduri. Menurut Wan Fauzi juga penghuraian mengenai tatacara istiadat tertentu dalam Silat Seni Gayong memerlukan kajian yang lebih terperinci dan berhati-hati. Hal ini demikian kerana kadangkala istiadat disempurnakan melalui beberapa aturan yang berbeza-beza dan sesetengahnya amat jarang diadakan. Upacara istiadat terakhir yang dihadiri oleh Dato' Meor Abdul Rahman ialah penghantaman keris di Port Dickson, Negeri Sembilan dalam bulan Mei 1991. Pada tanggal 23 Jun 1991, Dato' Meor Abdul Rahman bin Daeng Uda Mohd Hashim, Mahaguru Silat Seni Gayong menghembuskan nafas terakhir di Ipoh Specialist Centre Ipoh.

KAEDAH

Kaedah yang digunakan adalah penyelidikan dan pemerhatian bagi menghasilkan kertas kerja ini melalui rakaman perbualan dengan gurulatih silat dan individu yang berkenaan. Kaedah pemerhatian adalah untuk melihat upacara dan adat istiadat serta segala kelengkapan yang diperlukan dalam sesuatu majlis upacara dan adat istiadat secara langsung. Data-data yang dikumpulkan dari pemerhatian dan perbualan dijelaskan dalam bentuk huraian. Kaedah

penyelidikan adalah melalui pembacaan buku-buku rujukan berkaitan Silat Seni Gayong Malaysia.

DAPATAN KAJIAN

Dari Segi Keperluan Peralatan Busana Lengkap Semasa Upacara Adat Istiadat

Menurut Wan Fauzi bin Haji Wan Hussain, pakaian semasa adat istiadat silat seni gayong, antaranya semasa latihan dan majlis rasmi. Pakaian latihan hendaklah berwarna hitam, ini bertujuan memudahkan aktiviti lasak dan melatih ketajaman serta deria rasa pada waktu malam. Bertujuan juga untuk berwaspada dengan serangan musuh yang mungkin datang tanpa diundang. Kelengkapan yang perlu ada pada pakaian latihan ialah tengkolok atau tanjak, baju kurung Melayu dengan potongan leher bujur sirih atau bentuk V dan berlengan $\frac{3}{4}$ panjang. Bengkong berbentuk tali pinggang mengikut taraf pencapaian. Seluar dengan $\frac{3}{4}$ labuh kaki. Manakala, bagi murid wanita, panjang lengan baju dan seluar mestilah menutupi pergelangan tangan dan buku lali (aurat). Seterusnya, majlis rasmi pula pakaian yang dikenakan seperti hari kebesaran atau upacara adat istiadat Silat Seni Gayong. Pakaian bagi lelaki hendaklah serba-serbi berwarna hitam yang terdiri daripada, tengkolok songket atau songkok, sepasang baju Melayu, sandang kebesaran adat atau kehormat yang dianugerahkan, sebilah keris, samping songket dan sepasang capal atau kasut dan stoking hitam. Manakala, pakaian bagi kaum wanita pula hendaklah serba hitam atau gelap berlatar hitam. Terdiri daripada tudung atau kain selendang yang menutupi aurat, sepasang baju yang menutupi aurat, sandang kebesaran adat atau kehormat yang dianugerahkan dan sepasang kasut dan stoking hitam.

Individu yang Berhak Melaksanakan Tugas dalam Upacara Adat Istiadat

Menurut Wan Fauzi, melalui sejarah lembaga beradat, Gayong atau Seni Gayong telah wujud sebelum Negara kita mencapai kemerdekaan malah lebih awal daripada zaman kesultanan Melayu Melaka. Ilmu persilatan ini juga telah diamalkan oleh pendekar Melayu ketika berjuang menghalau penjajah daripada bumi tetr cinta. Penentangan terhadap penjajahan telah disusun dengan begitu rapi di bawah satu pentadbiran rahsia. Pergerakan yang dilakukan lebih berbentuk gerila tanpa diketahui identitinya. Konsepnya ialah berimba-rimba, berimau-rimau dan berGayong. Antara pahlawan Gayong yang terlibat dalam perjuangan tersebut ialah nenda kepada Allahyarham Dato' Meor Abdul Rahman iaitu Syed Zainal bi Syed Idris Al-Attas, Dato' Mat Kilau, Orang Kaya Semantan, Dato' Bahaman, Dato' Maharajalela, Dato' Megat Terawis dan Daeng Embok. Konsep pentadbiran tersebut setelah diadun dengan corak pemerintahan DiRaja kemudiannya diserap dalam Lembaga Beradat Silat Seni Gayong. Ekoran itu, Lembaga ini mempunyai hirarki berupa struktur pemerintahan sebuah kerajaan kerana pada masa dahulu istana adalah merupakan pusat tertinggi pentadbiran. Adat merangkumi setiap perkara yang menyentuh kuasa dan hak Mahaguru, istiadat, pelajaran, guru dan murid serta segala hal yang berkaitan dengan Silat Seni Gayong. Semasa hayat Dato' Meor Abdul Rahman bin Daeng Uda Mohd Hashim, Allahyarham mempunyai kuasa mutlak atas adat dan istiadat serta segala hak sebagai Mahaguru Silat Seni Gayong. Allahyarham adalah Pengurus Agung Majlis Tertinggi Lembaga Beradat Agung Silat Seni Gayong Malaysia dan Serantau. Bidang kuasa Majlis Tertinggi secara ringkas merangkumi adat, istiadat dan pelajaran. Majlis ini mempunyai 'locus' ke atas semua murid ahli Gayong. Biro siasatan pula dipanggil Badan Penapis Amanah. Biro ini diberi kuasa untuk menyiasat sebarang aduan atas mana-mana individu, gelanggang, cawangan, bahagiann atau lembaga beradat negeri atas arahan Mahaguru. Mereka ditugaskan menjalankan sesuatu keputusan daripada Majlis Tertinggi dinamakan Ketua-ketua Beradat. Tindakan susulan berikutnya akan dibantu pemimpin daerah iaitu Khalifah Muda dan ketua kampong yang dipanggil Imam Gelanggang.

Kesemua guru dan jurulatih Silat Seni Gayong adalah bawah kuasa Mahaguru sendiri. Di bawah Mahaguru diwujudkan pula jawatan seperti Ketua Pelangi Hitam yang bertaraf Pengarah Gurulatih peringkat Kebangsaan dan Pelangi Hitam iaitu Gurulatih Tertinggi yang mengetuai guru dan jurulatih di dalam sesebuah negeri. Pada peringkat awal, Pelangi Hitam ialah Gurulatih Tertinggi Silat Seni Gayong di Malaysia dan Serantau. Mereka merupakan pemimpin-pemimpin tertinggi dalam organisasi Majlis Gurulatih Kebangsaan dan Negeri. Mereka kadangkala mempunyai gelaran peribadi seperti Singa Malaya dan Panglima Hitam Chula Sakti. Ketua Pelangi Hitam dan Pelangi Hitam dilantik daripada mereka yang mahir dalam ilmu adat dan pelajaran Silat Seni Gayong, bersifat amanah dan merupakan wakil peribadi Mahaguru. Mereka ini seolah-olah mata kepada Mahaguru sendiri dan tidak condong kepada mana-mana pihak yang bertelingkah. Segala tindakan yang diambil semata-mata atas arahan Mahaguru atau amanahnya yang disifatkan juga sebagai ‘Pancung Tak Bertanya’. Menurut Wan Ahmad Fauzi bin Haji Wan Husain lagi, Lembaga Beradat Silat Seni gayong juga diejudikan di peringkat negeri. Kebiasaannya, KDYMM Raja-Raja Melayu akan menjadi penaung yang bertindak sebagai payung Silat Seni Gayong di dalam sesebuah negeri. Manakala pembesar dan kenamaan negeri akan menjadi penasihat seterusnya menganggotai sama dalam barisan pimpinan Lembaga Beradat Negeri. Lembaga tersebut dipimpin oleh Imam Khalifah dan mempunyai jurisdiksi di dalam sempadan negeri masing-masing. Bidangkuasa Lembaga Adat Negeri ditetapkan oleh Majlis Tertinggi Lembaga Beradat Agung. Di peringkat pusat, Lembaga Beradat Agung akan memohon mengadap salah seorang KDYMM Raja-Raja Melayu untuk mengampuni gelaran Penaung Agong Sang Sapurba dan memakai sandang kebesaran tertinggi Silat Seni Gayong bergelar Seri Mahkota Agong Seri Tri Buana Chula Sakti Purba Negara. Sang Sapurba yang pertama ialah KDYMM Almarhum Sultan Idris Syah Ibni Almarhum Sultan Alang Iskandar Syah, Sultan Perak Darul Ridwan.

Wan Ahmad Fauzi bin Haji Wan Husain juga menjelaskan berkaitan kesinambungan Silat Seni Gayong. Menurut beliau, Silat Seni Gayong sebagaimana dijelaskan adalah bersandar kepada adat. Semasa hayat Daeng Uda Mohd Hashim bin Daeng Che Ngah Tambah, beliau membantu usaha Dato' Meor Abdul Rahman mengembangkan Silat Seni Gayong. Dato' Meor Abdul Rahman amat menekan aspek pengembangan ilmu Silat Seni Gayong kerana hanya beliau seorang yang benar-benar menuntut dengan nendanya Syed Zainal bin Syed Idris Al-Attas. Dato' Meor Abdul Rahman selaku Mahaguru dan Pewaris Agung Ilmu Gayong yang dimanahkan untuk meneruskan perjuangan para pahlawan zaman terdahulu daripada masa ke masa telah mengemaskini Lembaga Beradat Agung dan Majlis Tertinggi Gurulatih. Sebelum kembali ke rahmatullah, Dato' Mahaguru telah mewasiatkan Cikgu Siti Kalsom sebagai Waris Amanah Mutlak atau Waris Amanah Mahaguru Silat Seni Gayong dibantu oleh dua orang Waris Amanah iaitu Encik Mohd Razali bin Haji Mohd Salleh dan Dato' Dr. Haji Ahmad bin Lazim. Mereka membentuk Lembaga Waris Amanah untuk mentadbir kuasa dan hak Mahaguru Silat seni Gayong. Selepas Cikgu Siti Kalsom meninggal dunia pada 6 haribulan Februari 2007, Cikgu Wan Ahmad Fauzi bin Haji Wan Husain secara automatik menggantikan Allahyarham sebagai Waris Amanah Mutlak atau Waris Amanah Mahaguru melalui wasiat bertulis. Manakala Waris-waris Amanah Silat Seni Gayong telah meninggal dunia tanpa menamakan pengganti mereka.

Wan Ahmad Fauzi bin Haji Wan Husain menjelaskan bahawa pewarisan kuasa adat merupakan satu penurunan kuasa dan amanah yang perlu mengikut kaedah ‘syara’ dan amalan Gayong. Hal ini demikian kerana Silat Seni Gayong tidak tertakluk semata-mata kepada Peruntukan Pertauran Perlembagaan yang dikanunkan melalui Akta Pembangunan Sukan 1997. Silat Seni Gayong adalah berteraskan adat, kuasa dan hak itu merupakan hak Mahaguru yang selepasnya ditadbir oleh pewaris kuasa adat melalui wasiat atau tauliah. Jika sekiranya Waris Amanah Mahaguru meninggal dunia tanpa mewasiatkan penggantinya, maka berkuasalah Pemegang Amanah Waris yang dilantik oleh Waris Amanah Mahaguru untuk menamakan sesiapa sahaja Murid Gayong yang difikirkan layak dengan persetujuan majoriti Ahli Mesyuarat Jawatankuasa Agung Lembaga Beradat Kebangsaan sebagai Pengurus Lembaga Waris Amanah untuk tempoh selama lima tahun dan boleh dilantik semula. Bagaimanapun Pengurus Lembaga ini tidaklah mempunyai budi

bicara dan kuasa sepetimana Waris Amanah Mahaguru. Keputusan Lembaga ini hanya sah jika disokong oleh pendapat majority hli Lembaga Waris Amanah tertakluk kepada peruntukan adat yang berkaitan. Jika sekiranya Waris Amanah Mahaguru tiada lagi, maka Pemegang Amanah Waris hendaklah dalam tempoh 40 hari setelah Waris Amanah Mahaguru terakhir meninggal dunia menamakan tidak kurang daripada lima calon untuk dipertimbangkan sebagai Pemegang Amanah Waris oleh ahli Mesyuarat Lembaga Beradat Kebangsaan apabila Pemegang Amanah Waris Semasa meninggal dunia. Apabila Pemegang Amanah Waris meninggal dunia, maka berkuasalah Ahli Mesyuarat Lembaga Beradat Kebangsaan untuk memilih antara calon yang dinamakan oleh Pemegang amanah Waris atau mana-mana Ahli Lembaga Waris Amanah (jika ada) sebagai Pemegang Amanah Waris atas bilangan yang difikirkan perlu demi kemaslahatan Silat Seni Gayong. Kesinambungan Lembaga Waris Amanah amatlah perlu dan menjadi amanah atas setiap ahli dan murid Gayong kerana "GAYONG BERSENDIKAN ADAT."

Bertujuan untuk Memperkenalkan kepada Masyarakat Berkaitan Upacara dan Adat Istiadat Seni Bela Diri Terutamanya Silat Seni Gayong Malaysia.

Penggunaan Bahan-Bahan dalam Setiap Upacara dan Adat Istiadat

Bertujuan untuk memperkenalkan kepada masyarakat akan penggunaan bahan-bahan dalam setiap upacara dan adat istiadat yang dilakukan seperti mandi tapak dan mandi seni sehinggalah ke mandi minyak. Mandi tapak dan mandi seni juga dikenali sebagai majlis perlismau sintuk. Menurut Wan Ahmad Fauzi bin Haji Wan Hussain, istiadat yang perlu ditempuh oleh seseorang itu sebelum diterima sebagai murid Gayong ialah Perlismau Tapak bagi ahli lelaki dan Perlismau Seni bagi ahli wanita. Upacara ini merupakan majlis akad penerimaan sebagai murid Gayong. Bayaran atau pengeras yang dikenakan adalah seperti perlismau tapak RM11.50 dan perlismau seni RM11.50 bagi wanita dan RM21.00 bagi lelaki. Syarat-syarat menjadi murid ialah seseorang yang ingin menuntut Silat Seni Gayong disyaratkan terlebih dahulu seperti beragama Islam, berwuduk, membaca surah al-Fatihah, al-ikhlas dan al-Lahab, memberi salam, menjunjung al-Quran dan menjaga amanah. Antara bahan-bahan asas dan peralatan istiadat perlismau sebagai simbolik bagi upara ini ialah sebiji limau nipis salah satu perlatan mandi orang dahulu yang digunakan bertujuan untuk menyegarkan kulit dan membuang keleumur di rambut. Selain itu, akar sintok merupakan peralatan mandi orang dahulu juga yang dibuat sebagai alat menggosok kulit bagi menghilang daki degil pada badan. Penggunaan jarum tujuh bilah untuk melambang jumlah bilangan (tapak) atau 21 bilah untuk melambangkan seni yang dipelajari. Jarum juga digunakan untuk melambangkan ketajaman ilmu yang dituntut. Jarum menggantikan keris atau barang-barang yang amat sukar disediakan murid seperti serbuk emas dan serbuk perak. Pertambahan bilangan jarum sebagai simbolik tebus tapak. Penggunaan asam jawa dan garam pula bagi melambangkan kepayahan dan perit jerih menuntut ilmu dan berjuang. Segalanya adalah pengalaman yang bakal ditempuhi. Garam yang digunakan untuk membawa maksud ilmu yang dituntut akan Berjaya dipelajari atau menjadi. Pisang emas juga telah digunakan sesisir sebagai hidangan untuk dimakan oleh pesilat atau tetamu. Pisang jenis ini dipilih bertujuan kerana sejenis pisang yang baik dan enak rasanya.

Manakala, kemenyan juga telah digunakan. Tujuan penggunaan kemenyan kerana sifat kemenyan yang berbau harum digunakan untuk menghidupkan suasana dan sebagai penyegar udara. Sebatang lilin putih turut dijadikan alat dalam adat istiadat bertujuan untuk melambangkan sebuah pengorbanan yang tinggi bagi seseorang yang sanggup menyumbangkan bakti demi kebaikan orang ramai seperti dalam peribahasa ibarat lilin membakar diri demi menerangi orang lain. Bahan seterusnya ialah bunga. Bunga digunakan sebanyak tujuh warna dan tujuh jenis. Sifat bunga itu yang berbau harum telah digunakan untuk mengharumkan badan dan satu unsur perlismau seni atau mandi seni. Perlismau seni atau mandi seni hanya untuk pelatih perempuan sahaja yang baharu ingin belajar. Selain itu, penggunaan beras kunyit atau beras putih dan biji bertih juga telah digunakan. Bertujuan sebagai adat menyambut tetamu kerana majlis perlismau tersebut juga dianggap sebagai majlis peminangan seorang murid untuk memasuki keluarga Silat

Seni Gayong. Bahan yang terakhir ialah Air Gayong. Air ini telah didoakan untuk mohon keberkatan dan sebagai penerang hati bagi murid yang ingin menuntut ilmu Gayong dan segala ilmu Allah. Sebaik selesai upacara mandi atau Perlama Tapak juga dikenali sebagai Mandi Tapak atau Mandi Tapak dan Seni maka rasmilah seseorang murid itu sebagai murid Silat Seni Gayong. Maka, murid tersebut layak mempelajari ilmu Tapak Gayong. Apabila murid menjalani Istiadat Mandi Seni pula, beliau secara automatik boleh mempelajari semua ilmu yang terdapat dalam Silat seni Gayong berserta syarat-syarat tertentu. Dalam kedua-dua upacara tersebut, ahli-ahli dikehendaki bersih daripada hadas kecil dan besar serta sentiasa dalam keadaan berwuduk.

Majlis Perlama Kebangsaan mentadbir istiadat perlama dan istiadat lain seperti khatam dan mandi Gayong. Majlis ini diwarisi oleh Dewan Penapis Amanah yang dipilih daripada mereka yang pernah dilantik oleh Allahyarham Dato' Mahaguru sebagai Wakil Mutlak Perlama dan daripada kalangan Ketua Wakil Beradat yang difikirkan sesuai oleh Lembaga Waris Amanah. Istiadat Perlama Khatam atau Mandi akan dijalankan oleh Ketua Wakil Beradat dan Wakil Beradat yang dilantik oleh Lembaga Waris Amanah mengikut tauliah masing-masing. Ketua Wakil Beradat dan Wakil Beradat bertanggungjawab untuk memastikan adat istiadat perlama, khatam atau mandi disempurnakan mengikut tatacara yang ditetapkan oleh Dewan Penapis Amanah sebelumnya disahkan oleh Lembaga Waris Amanah. Dewan Penapis Amanah juga diberi tanggungjawab untuk menjaga hak-hak adat termasuklah duit-duit adat bagi pihak Lembaga Waris Amanah. Ikrar taat setia wajib dibaca oleh murid-murid Silat Seni Gayong ketika dalam upacara perlama adat. Ikrar yang sama juga dilafazkan dalam majlis pertabalan, Ikrar bukanlah satu sumpahan sebaliknya merupakan ikatan janji dan komitmen secara rela hati. Berikut ikrar taat setia

AaUzubillahi Minasyaithonir Rajim, Bsmillahir Rahmanir Rahim

Bahwasanya aku mengaku taat setia untuk menjadi murid dan ahli Silat Seni Gayong.
Bahwasanya aku mengaku taat setia kepada Allah.
Bahwasanya aku mengaku taat setia kepada Baginda Rasulullah.
Aku mengaku taat setia kepada ibu dan ayahku.
Aku mengaku taat stia kepada guru-guruku.
Aku mengaku taat setia kepada saudara SeGayong tenganku.
Bahwasanya aku berikrar dan mengaku taat setia keadaan K.D.Y.M.M Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong serta ke bawah D.Y.M.M Sutan-sultan yang memerintah Tanah Melayu dan seluruh kerajaannya.
Ya Allah! Ya Tuhanku!, tunjukkanlah aku jalan yang benar dan jauhkanlah ku jalan yang salah.
Ya Allah! Ya Tuhanku!, murahkanlah rezekiku, kau panjangkanlah umurku dan kedua ibu bapaku, kau tetapkanlah imanku, kau lindungkanlah aku daripada malapetaka jin dan iblis dan juga manusia yang berniat khianat atas diriku dan negaraku.
Inilah irkar taat setia diriku pada negaraku.
Amin! Amin! Amin! Ya Rabbal Alamin.

Memberi Pencerahan Berkaitan Upacara dan Adat Istiadat Tidak Melibatkan Unsur-unsur Tahyul

Penulisan ini juga bertujuan untuk memberi pencerahan berkaitan upacara dan adat istiadat terutamanya Silat Seni Gayong Malaysia tidak melibatkan unsur-unsur tahyul sebaliknya mendedahkan pengamalnya akan erti asam garam kehidupan berunsurkan alam sekeliling. Melihat upacara dan adat istiadat serta segala kelengkapan yang diperlukan dalam sesuatu majlis upacara dan adat-istiadat secara langsung maka tidak ada unsur tahyul diselitkan dalam upacara adat istiadat Silat Seni Gayong. Menurut Wan Mohd Fauzi, Adat mestilah dipertahankan kerana adat merupakan amanah dan identity atau 'alter ego' kepada Silat Seni Gayong itu sendiri. Jika adat tidak bertentangan dengan syariat maka tiada sebab adat harus dipinggirkan. Pendapat sedemikian menunjukkan bahawa Silat Seni Gayong tidak dipengaruhi unsur-unsur tahyul. Selain

Upacara dan Adat Istiadat Seni Bela Diri (Silat Seni Gayong Malaysia)

itu, tiadanya unsur-unsur tasyul dapat dibuktikan dalam adat istiadat ketika perlimau Tapak dan Seni melalui apabila murid menjalani Istiadat Mandi Seni pula, beliau secara automatik boleh mempelajari semua ilmu yang terdapat dalam Silat seni Gayong berserta syarat-syarat tertentu.

Menurut Wan Mohd Fauzi juga, dalam kedua-dua upacara tersebut, ahli-ahli dikehendaki bersih daripada hadas kecil dan besar serta sentiasa dalam keadaan berwuduk. Apabila berwuduk sudah semestinya bersedia untuk melakukan ibadah seperti memegang al-Quran, solat secara berjemaah seusai majlis diadakan. Selain itu, melalui pembukaan adat gelanggang juga menunjukkan Silat Seni Gayong bebas daripada unsur-unsur tasyul dan syirik. Adat pembukaan gelanggang, latihan dimula dengan adat pembukaan gelanggang dan diakhiri dengan adat penutupan gelanggang. Upacara ini disempurnakan dengan membaca ayat-ayat berikut iaitu surah al-Fatihah sebanyak sekali, surah al-Ikhlas sebanyak sebelas kali, surah al-Lahab sebanyak sekali atau selawat atas Jujungan Besar Nabi Muhammad SAW sebanyak tiga kali. Di samping itu, doa selamat juga dibaca semasa pembukaan supaya dijauhkan segala marabahaya dan niat khianat iblis, jin, manusia dan binatang serta mohon diberkati pelajaran yang dituntut. Doa kesyukuran pula akan dibaca semasa penutupan kerana latihan Berjaya ditamatkan dengan baik dari mula hingga akhir dan semoga mendapat keredaan serta rahmat daripada Allah SWT. Berkat daripada doa yang dibaca dihadiahkan kepada Nabi Muhammad SAW, para rasul, nabi-nabi, sahabat yang empat, wali-wali Allah, Allahyarham Dato' mahaguru serta zuriatnya, kedua-dua ibu bapa, kaum kerabat murid Gayong serta seluruh murid dan ahli Gayong yang telah meninggal dunia sama ada baharu atau lama. Namun demikian, sekiranya hari latihan jatuh pada malam atau hari Jumaat, jumlah bacaaan surah-surah akan digandakan bilangan amalannya. Misalnya, bacaaan al-Fatihah akan ditambah kepada tiga kali, al- Ikhlas sebanyak 33 kali dan al-Lahab sebanyak tiga kali atau Selawat atas jujungan besar Nabi Muhammad SWT sebanyak 11 kali.

Silat Seni Gayong memiliki disiplin yang tersendiri. Semua disiplin dapat dilihat daripada adat-adat istiadat yang diamalkan. Dalam gelanggang juga memiliki adat-adat tertentu. Menurut Wan Ahmad Fauzi, antara perkara yang mesti dipatuhi semasa berada di dalam gelanggang adalah tidak memakai alas kaki, tidak meludah dalam gelanggang, tidak makan dan minum, tidak bergurau senda, tidak memakai perhiasan diri dan mesti menghormati rakan-rakan dan gurulatih. Namun, demikian menurut beliau adab di atas boleh dilonggarkan atas sebab-sebab kesihatan atau dalam keadaan tertentu yang difikirkan sesuai oleh Lembaga Beradat. Seterusnya, keizinan daripada Imam Gelanggang mesti diperoleh dan hendaklah menutup gelanggang jika ingin keluar atau ingin bertemu seseorang di luar gelanggang. Di samping itu, semasa menikmati makanan atau minuman bengkong, tengkolok dan sandang yang dipakai hendaklah ditanggalkan dan disimpan di tempat yang elok dan selamat. Adab dalam gelanggang merupakan satu disiplin yang perlu dipatuhi salam menuntut ilmu. Menurut Wan Ahmad Fauzi bin Wan bin Haji Wan Husain (2007) lagi tiada pantang larang dalam Silat Seni Gayong, apa yang menjadi pegangan dalam Silat Seni Gayong adalah mentaati segala suruhan dan perintah Allah S.W.T serta jauhi segala larangan-Nya.

KESIMPULAN

Antara istiadat lain yang terdapat dalam Silat Seni Gayong Malaysia ialah Mandi Minyak, Mandi Keris, Mandi Lembing, Khatam Keris, Khatam Lembing, Pembukaan Gelanggang Baharu, Penyampaian Bengkong, Pertabalan Ahli Lembaga Beradat dan Sambutan Hari Sang Sa Purba. Kertas kerja ini cuba memperlihatkan konsep upacara dan adat istiadat seni bela diri terutamanya Silat Seni Gayong Malaysia sama ada dari segi keperluan peralatan, busana lengkap semasa upacara adat istiadat diadakan dan individu yang berhak melaksanakan tugas dalam upacara adat istiadat tersebut. Pemilihan tajuk bertujuan untuk memperkenalkan kepada masyarakat berkaitan upacara dan adat istiadat seni bela diri terutamanya Silat Seni Gayong Malaysia. Di samping memperkenalkan kepada masyarakat akan penggunaan bahan-bahan dalam setiap upacara dan adat istiadat yang dilakukan seperti mandi tapak dan mandi seni

sehingga ke mandi minyak. Di samping itu, bertujuan untuk memberi pencerahan berkaitan upacara dan adat istiadat terutamanya Silat Seni Gayong Malaysia tidak melibatkan unsur-unsur tisyul sebaliknya mendedahkan pengamalnya akan erti asam garam kehidupan berunsurkan alam sekeliling. Berdasarkan fokus tujuan yang telah dibuat maka penulis mendapati Silat Seni Gayong tiada melibatkan unsur-unsur tisyul. Buktinya dapat dilihat dalam adat dan istiadat yang dilakukan. Hasil pemerhatian ini diharapkan dapat dijadikan garis panduan oleh pihak tertentu terutamanya pencinta seni bela diri Silat Seni Gayong Malaysia khususnya untuk lebih beretika mempelajari seni bela diri terutama Silat Seni Gayong Malaysia tanpa rasa ragu-ragu berteraskan agama Islam. Semoga khazanah alam warisan bangsa ini dapat dipertahankan sehingga ke akhir zaman. Silat Seni Gayong berupaya membentuk akhlak pengamalnya dengan lebih baik melalui unsur-unsur yang diketengahkan sewaktu mempelajarinya. Pertubuhan Silat Seni Gayong Malaysia merupakan sebuah pertubuhan yang bersedia membantu mempertahankan budaya asli dalam masyarakat dan berperanan membantu pihak pentadbiran negara menangani isu keruntuhan akhlak bangsa Melayu terutamanya di negara kita. Harapan gurulatih Gayong kebanyakannya ingin melihat Seni Persilatan Gayong dapat diwarisi oleh ramai dalam kalangan masyarakat terutamanya kanak-kanak dan remaja. Seni persilatan ini harus dijadikan sebagai sebuah ilmu yang wajib dipelajari bukan hanya kerana warisan zaman semata-mata malah boleh dijadikan sebagai ilmu untuk bersenam menerusi prinsip-prinsip yang dipelajari dalam silibus Silat Seni Gayong ini. Ilmu Silat Seni Gayong adalah hidup. Hanya mereka yang benar-benar menuntut dan menjawai Gayong sahaja dapat memahami hakikat Silat Seni Gayong. Ahli-ahli Gayong juga adalah bersaudara. Hal ini jelas menunjukkan bahawa hakikat ilmu Islam dipraktikkan dalam Silat Seni Gayong Malaysia melalui tali persaudaraan iaitu silaturahim harus dikekalkan seiring dengan kehendak syariat Islam.

RUJUKAN

- Wan Ahmad Fauzi bin Haji Wan Hussain, (2008). *Organisasi Kuasa Adat dan Silat Seni Gayong*. Selangor: Wan Ahmad fauzi Haji Wan Hussain,SMT Waris Amanah Mahaguru PSSGM.
- Wan Ahmad Fauzi bin Haji Wan Hussain, (2007). *Mahaguru*. Selangor: Wan Ahmad fauzi Haji Wan Hussain, SMT.
- Wan Ahmad Fauzi bin Haji Wan Hussain, (2007). *Selayang Pandang Silat Seni gayong*. Selangor: Wan Ahmad fauzi Haji Wan Hussain, SMT.
- Yang Mulia Ustaz Haji Shahul Hamid Bin M.P.H.Seenimohamadpengajian Islam Darul Tahzib , Teluk Kumbar,Pulau Pinang,Malaysia

